



Surat kami : 100-CSPI (PT.9/48)  
Tarikh : 3 JULAI 2017

Dekan Fakulti  
Rektor Kampus  
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
**Universiti Teknologi MARA**

Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof/Tuan/Puan

**PERANCANGAN PERMOHONAN PERUNTUKAN KUMPULAN WANG  
PENDAPATAN (KY) UNTUK MEMBIAYAI PEROLEHAN PERALATAN,  
PROJEK DAN KENDERAAN BAGI TAHUN 2018**

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Bajet Pembangunan dan Naiktaraf Prasana yang diadakan pada 29 Mei 2017 lalu, telah memutuskan bahawa permohonan bajet KY 2018 bagi perolehan peralatan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, projek dan kenderaan hendaklah dihantar **sebelum atau pada 15 September 2017**. Permohonan yang diterima lewat daripada 15 September 2017 tidak akan diproses.

3. Sehubungan itu Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah :

- 3.1 Membuat perancangan dengan teliti dan sistematik bagi perolehan peralatan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran dan projek naiktaraf/utiliti/bangunan mengikut **keutamaan yang berimpak tinggi** kerana peruntukan yang disediakan oleh pihak UiTM amatlah terhad.
- 3.2 Permohonan akan dibawa ke Bengkel Penilaian Nilai (*Value Management*) bagi melihat keperluan dan keutamaan Pusat Tanggungjawab
- 3.3 Proses perolehan bagi peralatan yang telah diluluskan hendaklah dilaksanakan seawal bulan Januari dan bayaran diselesaikan pada tahun yang sama.

4. Bersama-sama ini disertakan Maklumat penting sebagai panduan berhubung permohonan peruntukan peralatan, projek dan kenderaan (sila rujuk LAMPIRAN A). Maklumat yang tidak lengkap dan tidak menepati garis panduan yang disediakan tidak akan diproses dan akan dikembalikan kepada pemohon.

Sekian, untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

Yang benar



**PROF. IR. DR. HAJI ABDUL RAHMAN OMAR, JSM**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

- s.k
1. Bendahari UiTM
  2. Penolong Naib Canselor (IRMI)
  3. Penolong Naib Canselor (Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur)
  4. Ketua Timbalan Bendahari  
Bahagian Perancangan dan Belanjawan
  5. Timbalan Pendaftar Kanan  
Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik

## LAMPIRAN A

### PANDUAN PERMOHONAN BAJET PERALATAN TAHUN 2018

#### 1. Permohonan Peruntukan Bagi Pembelian Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran

- 1.1 Semua permohonan peruntukan peralatan (pengajaran dan pembelajaran) hendaklah dihantar secara surat rasmi kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- 1.2 Surat permohonan hendaklah ditandatangani oleh Ketua PTJ. Pemohon hendaklah menyertakan surat kelulusan pembelian peralatan daripada JPPICT dan JITE/JITEN atau mana-mana berkaitan
- 1.3 Nilai peralatan yang hendak dibeli hendaklah melebihi RM3,000.00
- 1.4 Semua kos yang dianggarkan hendaklah mengambilkira GST dan kelulusan adalah termasuk GST.
- 1.5 Penilaian akan dibuat oleh **Panel Penilai Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran** yang dilantik
- 1.6 Keputusan akan dibawa ke Jawatankuasa Bajet Pembangunan dan Naitaraf Projek bagi kelulusan dan pengesahan

#### 2. Permohonan Peruntukan Bagi Projek Naiktaraf Bangunan/Utiliti/Infrastruktur

- 2.1 Setiap permohonan naiktaraf projek hendaklah dimajukan kepada Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur) untuk disemak dan dinilai mengikut keutamaan projek.
- 2.2 Surat permohonan hendaklah ditandatangani oleh Ketua PTJ.
- 2.3 Semua kos projek yang dianggarkan hendaklah mengambilkira GST dan kelulusan adalah termasuk GST.
- 2.4 Pemohon hendaklah sertakan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Fasilitas dan ICT bagi semua permohonan projek naiktaraf atau ubahsuai.
- 2.5 Permohonan akan dinilai oleh **Panel Penilai Teknikal dan Kos** yang dilantik.
- 2.6 Keputusan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Bajet Pembangunan dan Naitaraf Projek bagi tujuan pengesahan dan kelulusan.
- 2.7 Sesalinan permohonan hendaklah dimajukan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

#### 3. Permohonan Peruntukan Bagi Pembelian Peralatan Penyelidikan

- 3.1 Semua permohonan peruntukan bagi pembelian peralatan penyelidikan hendaklah dimajukan kepada Pejabat Penolong Naib Canselor (IRMI) dan sesalinan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- 3.2 Surat permohonan hendaklah ditandatangani oleh Ketua PTJ. Pemohon hendaklah menyertakan surat kelulusan pembelian peralatan daripada JPPICT dan JITE/JITEN atau mana-mana berkaitan

- 3.3 Permohonan peralatan akan dinilai oleh **Panel Penilai Peralatan Projek Penyelidikan** yang dilantik
- 3.4 Nilai peralatan yang hendak dibeli hendaklah melebihi RM3,000.00 bagi menggunakan peruntukan bajet KY
- 3.5 Semua kos yang dianggarkan hendaklah mengambilkira GST dan kelulusan adalah termasuk GST.
4. Permohonan Peralatan Saintifik yang kosnya bersamaan atau melebihi RM 500,000.00 satu unit hendaklah dihantar terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Peralatan Saintifik dialamatkan ke Pejabat Penolong Naib Canselor (IRMI).
5. Setiap permohonan hendaklah menyatakan dengan **jelas justifikasi pembelian** mengikut templat permohonan (**seperti yang dilampirkan**)
6. Beberapa ketetapan perlu dipatuhi oleh setiap PTJ seperti berikut:
  - 6.1 Kuantiti dan siling bagi **pembelian kamera DSLR** untuk kegunaan PTJ merakam aktiviti jabatan dan pelajar ialah **satu unit sahaja** dengan **harga tidak melebihi RM 6,200 seunit (termasuk GST)**.
  - 6.2 Pemohonan hendaklah disertakan bersama surat kelulusan dari JPPICT, JiTE/JITEN bagi setiap **pembelian peralatan ICT**.
  - 6.3 Pembelian **TV LCD/LED 60"** untuk **kapasiti bilik kuliah 40 orang** adalah **digalakkan berbanding pembelian LCD Projektor**.
  - 6.4 Permohonan **pembelian kenderaan** hendaklah **mendapatkan kelulusan** daripada **Naib Canselor UiTM** dan **kelulusan waran pemandu** dari **JPSM** terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Bajet Pembangunan dan Naiktaraf Prasarana. Maklumat ini hendaklah dilampirkan bersama permohonan bajet peralatan.
  - 6.5 Bajet yang telah diluluskan hendaklah dibelanjakan mengikut keutamaan.
  - 6.6 **Permohonan melalui emel dan tidak dibuat oleh Ketua PTJ tidak akan dipertimbangkan. Keutamaan permohonan adalah bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran.**

SENARAI PERMOHONAN PEMBELIAN PERALATAN (PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TAHUN 2018)

PUSAT KOS : 5020101

FAKULTI / BAHAGIAN/ CAWANGAN : XXXXXX

Bil	KOD AKAUN	Peralatan Yang Diperlukan	Kuantiti	Harga @ Unit	Jumlah	Keluasan Jawatankuasa Teknikal Berkaitan		Kategori Pelanggan (1@2@3) eila rujuk nota	Justifikasi Pembelian	Kategori Permohonan Peralatan			Peruntukan Yang Dipohon/Diperolehi	Bagi permohonan baru, nyatakan Program / Kursus baru tersebut dan Tahap Pengajian	Sesi Pengajian / tahun peralatan wajib disediakan	Nama Pegawai dan Jawatan yang akan bertanggungjawab kepada peralatan ini / Nama Pegawai dan Jawatan yang akan digalihkan peralatan **	Cadangan Lokasi Peralatan Ditempatkan Sekiranya Diluluskan
						JPPICT	JITEN/ JITE			Tambahan kepada yang sedia ada***	Bilangan Sedia ada	Gantian bagi yang dilupuskan					
				(RM)	(RM)	( ✓ )		( ✓ )									
1	35501	Professional Video Tripod	1	8,768.00	8,768.00	✓		2	Sebagai persiapan Majlis Istiadat Konvokesyen bagi pelaksanaan Universiti Autonomi	✓		Peruntukan KY		2012	En Karim Ahmad (Juruteknik)	Bahagian Pembangunan & Pengurusan Fasiliti	

CONTOH

Nota :

- \* 1 - Staf Akademik
- 2 - Staf Pentadbiran
- 3 - Pelajar

\*\*\* Sila lampirkan buku log kegunaan peralatan yang sedia ada

LAMPIRAN 2

SENARAI PERMOHONAN PEMBELIAN PERALATAN (PENYELIDIKAN TAHUN 2018)

PUSAT KOS : 502D101

FAKULTI / BAHAGIAN/ CAWANGAN : XXXXXXX

Bil	KOD AKAUN	Peralatan Yang Diperlukan	Kuantiti	Harga @ Unit	Jumlah	Kelulusan Jawatankuasa Teknikal Berkaitan			Kategori Pelanggan (1@2@3) sila rujuk nota	Justifikasi Pembelian	Kategori Permohonan Peralatan			Peruntukan Yang Dipohon/ Diperolehi	Bagi permohonan baru, nyatakan Program / Kureus baru tersebut dan Tahap Pengajian	Sesi Pengajian / tahun peralatan wajib disediakan	Nama Pegawai yang akan bertanggungjawab kepada peralatan ini / Nama Pegawai dan Jawatan yang akan diagihkan peralatan **	Cadangan Lokasi Peralatan Diempatkan Sekiranya Diluluskan
						JAWATANKUASA TEKNIKAL PERINGKAT PTJ	JPPICT	JITEN, JITE			Tambahan kepada yang sedia ada***	Bilangan Sedia ada	Gantian bagi yang dipulaskan					
1	35501	Professional Video Tripod	1	(RM) 8,768.00	(RM) 8,768.00	(RM) 8,768.00	(√)	(√)	2	Sebagai persiapan Majlis Istiadat Konvokesyen bagi pelaksanaan Universiti Autonomi	√			Penuntukan KY	2012	En Karim Ahmad (Juruteknik)	Bahagian Pembangunan & Pengurusan Fasiliti	
<b>CONTOH</b>																		

Nota :

- \* 1 - Staf Akademik
- 2 - Staf Pentadbiran
- 3 - Pelajar

\*\*\* Sila lampirkan buku log kegunaan peralatan yang sedia ada

SENARAI PERMOHONAN PROJEK NAIKTARAF/UTILITI/INFRASTRUKTUR 2018

PUSAT KOS : 5020101

FAKULTI / BAHAGIAN/ CAWANGAN : XXXXX

Bil	KOD AKAUN	NAMA PROJEK NAIKTARAF/UTILITI/ INFRASTRUKTUR	ANGGARAN KOS (TERMASUK GST)		Kelulusan Jawatankuasa Teknikal Berkaitan (LULUS/ MASIH DALAM PROSES)		Justifikasi Permohonan	Jenis Peruntukan Yang Diterima/Dipohon	Nama Pegawai dan Jawatan yang akan bertanggungjawab kepada projek ini / Nama Pegawai dan Jawatan yang akan diagihkan projek **
			(RM)	(RM)	JPFICT	JITEN/JITE			

CONTOH

Nota : Permohonan projek perlulah mengikut keutamaan dan berimpak tinggi